



BERARAK ... Mohd Harun ketika mengetuai perarakan berjubah UMSKAL yang bermula dari Menara Perbadanan Labuan ke padang Dataran Labuan, pagi kelmarin.



SKROL ... Mohd Harun (dua kanan) bersama Mohd Nazri bertukar-tukar skrol sebagai simbolik program Perarakan Berjubah UMSKAL sambil diperhatikan oleh Yunus (tiga dari kiri), Ismail (kiri sekali) dan Abdullah (kanan sekali).

Mohd Harun ketua Majlis Perarakan Berjubah UMSKAL

NST 17.11.2013 6
OLEH JAINUDIN DJIMIN
jainudin@newsabahtimes.com.my

LABUAN: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah mengetuai Majlis Perarakan Berjubah Graduan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), pagi kelmarin.

Turut sama dalam perarakan sejauh 1km yang bermula dari Menara Perbadanan Labuan ke padang Dataran Labuan itu ialah Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said, Timbalan-timbalan Naib Canselor UMS, Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali dan 32 ahli-ahli Senat dan pegawai pegawai kanan

UMS.

Turut serta para Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) yang diketuai Dekannya, Prof Madya Dr Syed Nasirin dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) diketuai Dekan, Dr Ag Asri Ag Ibrahim serta kira-kira 70 graduan kedua-dua sekolah tersebut.

Ketika berucap pada majlis itu Mohd Harun berkata, perarakan yang diadakan untuk tahun ke tiga bagi UMSKAL itu merupakan satu simbolik perjalanan jauh seorang mahasiswa untuk memperolehi segulung ijazah setelah tiga atau empat tahun menimba ilmu di UMSKAL.

“Selama berada di UMSKAL, para graduan bukan sahaja untuk memenuhi harapan tinggi ibubapa dan impian mereka untuk menjadi insan terpelajar tetapi juga mahu menjadi warga negara yang boleh menyumbang semula kepada agama, bangsa dan Negara satu hari nanti,” katanya.

Beliau juga berharap agar para graduan dan pelajar yang belajar di pulau yang kecil dan harmoni ini dapat menggunakan sebaik mungkin untuk mengenali dengan lebih dekat lagi adat resat dan budaya masyarakat berbilang kaum seperti kehidupan masyarakat di perkampungan air yang sukar didapati di tempat lain yang masih mengamalkan adat dan

budaya tradisional serta hidup aman damai.

“Suasana harmoni yang diamalkan di Wilayah Persekutuan Labuan sewajarnya diwar-warkan oleh pelajar keserata pelosok kampung termasuk keluar Negara kerana rakyatnya masih mengutamakan perpaduan dan nilai-nilai murni,” katanya.

Hadir sama pada majlis itu, Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Yunus Kurus yang juga Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Mohd Nadzri Osman dan pemimpin pemimpin masyarakat tempatan.